

# Realiti Penutur Bahasa

Imperialisme bahasa yang wujud pada hari ini merupakan kolonialisasi minda yang disuntik oleh penjajah barat untuk mencelarukan jati diri masyarakat Malaysia, khususnya orang Melayu.

**G**lobalisasi merupakan suatu fenomena positif yang menyuntik pembangunan bangsa dan tamadun bangsa di Tanah Melayu. Namun, di sebalik pencapaian tersebut, wujud satu kepercayaan negatif yang seterusnya merebak menjadi satu ideologi negatif, yakni bahasa Melayu tidak lagi relevan dalam meninggikan tamadun bangsa. Malah, apa yang lebih menyedihkan lagi adalah apabila ideologi ini turut diluahkan oleh penutur natif bahasa Melayu itu sendiri, iaitu orang Melayu.

Bahasa merupakan ciri jati diri etnik, yakni ciri yang diwarisi daripada nenek moyang Melayu dan bahasa Melayu yang diwarisi ini dikuasai oleh penutur

Melayu sebagai bahasa ibunda (Norih Mohamed, 2003). Jati diri sesebuah bangsa pula merujuk kepada ciri-ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain, dan rasa kekitaan individu dalam kumpulan itu (Abdullah Hassan, 2009). Justeru, yang dikatakan dengan Melayu dalam konteks negara Malaysia adalah menuturkan bahasa Melayu, mengamalkan cara hidup Melayu dan beragama Islam.

Hakikat bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa agung pada abad yang lalu mula menampakkan kemerosotan dengan kehadiran kolonialis yang mengamalkan dasar kapitalisme

## Hakikatnya, betapa fasih atau mahir sekalipun anak-anak tersebut menguasai bahasa Inggeris, status bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tidak boleh dipadam oleh sesiapa pun lantaran bahasa Inggeris tetap kepunyaan bangsa Inggeris.

di Tanah Melayu. Seterusnya, keadaan dikeruhkan lagi dengan kederasan arus globalisasi yang membawa persaingan dalam kehidupan manusia, sekali gus mendesak seluruh pelok masyarakat untuk menguasai bahasa Inggeris. Maka, tuntutan tersebut mendorong kepada kemerosotan bahasa Melayu yang secara tidak langsung dilihat menggugat jati diri bangsa Melayu.

Oleh sebab bahasa merupakan wahana yang membentuk dan merakam himpunan memori bangsa seperti peristiwa, norma, peraturan, nilai dan lain-lain (Abdullah Hassan, 2009) perubahan nilai dan jati diri merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan apabila membincangkan perihai permasalahan bahasa. Justeru, mengamalkan bahasa Inggeris

dalam kehidupan seharian sedikit sebanyak akan menempiaskan ciri-ciri budaya Inggeris ke dalam diri seseorang individu, sekali gus mencairkan penggunaan bahasa Melayu.

Istilah-istilah yang menggambarkan norma hidup dan adat resam Melayu yang diwarisi turun temurun telah digantikan dengan bahasa Inggeris, walhal istilah yang diungkapkan dalam bahasa Inggeris itu tidak sama dengan istilah asal walaupun terjemahannya kedengaran hampir sama. Misalnya perkataan 'derhaka' dalam bahasa Inggeris disebut sebagai 'rude'. Apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu, 'rude' membawa maksud biadap, sedangkan istilah 'derhaka' itu sendiri mengandungi pengertian yang lebih mendalam dan serius daripada pengertian 'biadap'. Lantaran, derhaka merupakan perbuatan tidak taat seorang anak kepada ibu bapanya sehingga mendapat kemurkaan Allah. Antara contoh lain ialah *doorgift* (sisa kenduri kahwin), *prayer* (tahlil), *paddy field* (sawah padi), *God* (Allah), *Oh My God* (Ya Allah) dan banyak lagi. Justeru, pengalihan beberapa istilah bahasa Melayu kepada istilah bahasa Inggeris ini sedikit sebanyak telah mengubah ciri-ciri dan makna asal istilah yang menggambarkan agama, budaya, dan adat resam keturunan Melayu yang digunakan sejak turun-temurun.

Lebih teruk lagi, segelintir bangsa Melayu menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang tiada kelas. Secara rasionalnya, kenyataan tersebut menjurus kepada kesimpulan bahawa bangsa Melayu ialah bangsa yang bertaraf rendah. Ironinya, mereka

melenting apabila dikatakan bangsa mereka sebagai bangsa yang tiada kelas, namun mereka mengangguk apabila disogokkan dengan kenyataan yang mendakwa bahasa Melayu sebagai bahasa kelas bawahan, bahasa kedua atau bahasa bertaraf rendah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa jati diri orang Melayu kini telah jauh terpesong, lalu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu kini mengalami krisis jati diri.

Begitu juga halnya dengan isu pendidikan, perubahan demi perubahan dari aspek kokurikulum telah dilaksanakan, khususnya dalam bidang pendidikan rendah dengan persepsi bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai potensi dalam pembentukan tamadun negara. Hal tersebut tidak seharusnya terjadi kerana sekalipun bahasa Melayu tidak berperanan sebagai bahasa ilmu yang bersifat global, namun status bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tidak seharusnya 'diusik' dan diragui kemampuannya. Hal ini demikian kerana menjadikan bahasa lain sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah atau di universiti merupakan tindakan yang terang-terangan memperlihatkan penolakan bahasa ibunda dalam sistem pendidikan. Lantas, situasi kebahasaan yang turut disokong oleh penutur natif bahasa Melayu ini jelas sekali menggambarkan ketidakteguhan jati diri Melayu.

Hakikatnya, betapa fasih atau mahir sekalipun anak-anak tersebut menguasai bahasa Inggeris, status bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tidak boleh dipadam oleh sesiapa pun lantaran bahasa Inggeris tetap kepunyaan bangsa Inggeris. Justeru,

kecenderungan ibu-bapa mendidik anak-anak berkomunikasi dalam bahasa Inggeris di rumah dilihat sebagai tindakan yang cuba menafikan jati diri bangsa dan bahasa Melayu. Mereka berjati diri Melayu, namun malangnya mereka dididik dan dibesarkan dalam acuan bangsa Inggeris. Apabila kecelaruan ini berlaku, dapatkah jati diri Melayu bertahan dalam diri anak-anak Melayu generasi akan datang? Justeru, perbuatan meminggirkan bahasa ibunda demi bahasa kepunyaan bangsa lain adalah perbuatan yang tidak rasional dan merugikan semua pihak seumpama menyusun kera di hutan, anak di rumah mati kelaparan.

Lazimnya, apabila berkomunikasi antara kaum, golongan ini lebih suka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara. Orang Cina berkomunikasi dengan orang India dan orang Melayu menggunakan bahasa Inggeris, begitu juga sebaliknya, orang Melayu berkomunikasi dengan orang Cina dan India menggunakan bahasa Inggeris. Namun, situasi itu bukan sahaja berlaku antara individu berbilang kaum, malah turut berlaku dalam kalangan orang Melayu sendiri, khususnya yang tinggal di bandar. Walaupun berkomunikasi sesama Melayu, bait-bait bahasa Inggeris meluncur laju di bibir mereka, dan apabila ditanya kenapa mereka menyelitkan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu, alasannya ialah "sudah biasa", walhal mereka dibesarkan di Malaysia dan bahasa Melayu ialah bahasa ibunda.

Faktor lain yang menggalakkan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam kalangan orang Melayu adalah

**Jadual 1** Faktor-faktor yang menggalakkan percampuran bahasa Melayu dengan Inggeris dalam kalangan orang Melayu.

Bil.	Faktor-faktor yang menggalakkan percampuran bahasa
1.	Tiada sebab.
2.	Saja-saja.
3.	Mengikut mood.
4.	Bergantung kepada situasi.
5.	Bahasa Inggeris mudah dan ringkas.
6.	Istilah dalam bahasa Inggeris mampu mengungkapkan mesej yang ingin disampaikan dengan tepat dan berkesan.
7.	Meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.
8.	Sudah menjadi kebiasaan dalam berkomunikasi.
9.	Bahasa Inggeris lebih menarik dan santai.
10.	Tidak salah untuk melakukan percampuran bahasa dalam komunikasi.
11.	Tidak mahu dilihat skema.
12.	Lemah penguasaan bahasa Inggeris.
13.	Lebih selesa mencampurkan bahasa dalam komunikasi.

seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1. Faktor-faktor seperti yang dinyatakan itu jelas menunjukkan bahawa segelintir masyarakat Melayu hari ini tidak lagi menyanjung martabat dan keindahan bahasa Melayu. Mereka memberikan perhatian yang lebih berat kepada bahasa Inggeris. Alasan yang sering kedengaran ialah bahasa Inggeris diperlukan untuk maju. Jika begitu alasannya, kenapa negara-negara yang mempunyai pendirian tegas menegakkan martabat bahasa ibunda mereka mampu menjadi negara maju? Negara-negara seperti Jepun, Korea, Jerman, Rusia, dan China merupakan negara yang mengangkat bahasa

ibunda mereka, terutamanya dalam hal ehwal kenegaraan dan antarabangsa. Walaupun cara hidup mereka mengalami perubahan seiring dengan peredaran masa dan peradaban, namun bahasa ibunda mereka masih lagi dipertahankan dan dikekalkan sehingga ke hari ini. Justeru, ketegasan dan kesetiaan mereka dalam mengekalkan bahasa ibunda memberi gambaran yang positif terhadap keteguhan jati diri bangsa mereka, sekali gus menggambarkan keindahan rohaniah mereka. Maka, tidak hairanlah negara-negara tersebut mampu mencapai status negara maju dan membentuk tamadun bangsa yang disegani.

## Penafian dan ketidaksetiaan terhadap bahasa ibunda yang menjadi sebahagian daripada jati diri jelas menggambarkan kelemahan dan ketidakkuatan rohaniah bangsa Melayu.

Lain pula halnya dengan Malaysia, walaupun pelbagai usaha dan cara telah dilaksanakan untuk meningkatkan tamadun negara, namun sehingga kini Malaysia masih lagi berada di tahap negara membangun. Hal ini bermakna bahasa bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi tahap pembangunan negara, namun ideologi dan fahaman merupakan faktor yang mampu melahirkan tamadun yang disengai. Penafian dan ketidaksetiaan terhadap bahasa ibunda yang menjadi sebahagian daripada jati diri jelas menggambarkan kelemahan dan ketidakkuatan rohaniah bangsa Melayu. Jika begitu halnya, adakah bangsa Melayu akan disanjung tinggi, lantas mampuuk Malaysia membina negara bangsa yang beridentitikan Melayu?

Oleh hal demikian, kecelaruan bahasa yang ditunjukkan pada hari ini seakan-akan memberi petanda bahawa bahasa Melayu tidak lagi menjadi kebanggaan dan lambang jati diri penuturnya. Penutur bahasa Melayu berasa malu sekiranya tidak fasih berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, namun sebaliknya mereka tidak malu andai tidak mengetahui sesetengah perkataan dalam bahasa Melayu. Tambah menyedihkan lagi, ada yang

berasa bangga apabila melakukan kesilapan dalam bahasa Melayu, bahkan sengaja merosakkan bahasa Melayu sebagai memenuhi tuntutan hiburan dan jenaka. Barangkali mereka lupa bahawa bahasa melambangkan jati diri dan citra bangsa.

Sekalipun bahasa Melayu didakwa tidak mempunyai nilai intelek, namun janganlah sampai menghina dan meminggirkan bahasa sendiri dengan menafikan kepentingan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi, bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ibunda. Generasi terdahulu bertungkus lumus memperjuangkan hak dan kepentingan bahasa Melayu demi kelangsungan warisan dan jati diri Melayu, namun tanpa mengengang kepayahan dan jerih perit mereka, generasi hari ini dengan sewenang-wenangnya menolak dan menepis kepentingan bahasa Melayu. Justeru, penafian terhadap bahasa Melayu merupakan satu pengkhianatan kepada bangsa dan jati diri Melayu.

Menurut Saville-Troike (1991), perasaan positif terhadap bahasa sendiri biasanya terbit dari peranan yang dimainkannya sebagai penanda identiti yang disukai oleh satu-satu kumpulan, manakala perasaan negatif pula timbul jika identiti sedemikian itu tidak

digemari. Justeru, kekaguman orang Melayu terhadap bahasa, budaya dan bangsa Barat telah mencairkan jati diri kemelayuan, dan jikalau perkara ini berterusan, bangsa Melayu di Malaysia dikhawatiri akan menerima nasib yang sama seperti bangsa Melayu di Singapura yang dilihat tidak lagi menuturkan bahasa Melayu. Sekiranya perkara tersebut terjadi, generasi Melayu akan menjadi generasi Melayu yang tidak lagi Melayu rohaniahnya. Imperialisme bahasa yang wujud pada hari ini merupakan kolonialisasi minda yang disuntik oleh penjajah barat untuk mencelarukan jati diri masyarakat Malaysia, khususnya orang Melayu. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa faktor utama yang mengugat kedudukan bahasa Melayu di Malaysia berpunca daripada sikap orang Melayu sendiri yang menanamkan sikap pesimistik terhadap bahasa ibunda mereka. Jika masyarakat penutur sendiri tidak menghargai bahasanya, sebahagian daripada jati diri mereka telah hilang umpama hilangnya penghormatan mereka terhadap bahasa.

Justeru, promosi berterusan sesetengah pihak menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dengan alasan bahawa bangsa dan negara hanya akan maju dengan penggunaan bahasa Inggeris harus ditepis agar rakyat Malaysia tidak terus hanyut dengan khayalan dan mitos arus perdana. Penutur bahasa Melayu harus menyedari bahawa bahasa merupakan lencana bangsa. Andai penutur bahasa Melayu sendiri tidak berbangga dengan bahasa bangsa mereka, tiada siapa lagi yang akan 'memandang' bahasa Melayu. "Hilang penutur, hilanglah bangsa." **DB**